

20 APR 1999

Mahathir-Agong

K'JAAN UCAP TERIMA KASIH ATAS JASA TUANKU JA'AFAR

KUALA LUMPUR, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengucapkan terima kasih bagi pihak kerajaan dan rakyat kepada Tuanku Ja'afar atas jasa dan perkhidmatan sebagai Yang di-Pertuan Agong selama lima tahun.

Perdana Menteri berkata di bawah naungan Seri Paduka, rakyat Malaysia hidup dalam keadaan sejahtera dan dapat mengecapi kualiti hidup yang semakin meningkat.

Dalam ucapan beliau pada majlis perpisahan rasmi oleh kerajaan persekutuan untuk Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di sini, Dr Mahathir turut merakamkan penghargaan kerajaan kepada pasangan diraja itu kerana berjaya merapatkan lagi hubungan Malaysia dengan negara asing terutamanya negara jiran.

"Kerajaan berbangga dengan peranan yang dimainkan Tuanku di bidang perhubungan antarabangsa melalui lawatan ke negara asing. Pengalaman dan pengetahuan Tuanku sebagai diplomat banyak membantu mengeratkan hubungan dua hala dengan negara yang dilawati," katanya.

Dr Mahathir berkata melalui jalinan hubungan mesra Seri Paduka dengan ketua-ketua negara asing, Malaysia lebih terkenal di mata dunia.

Tuanku Ja'afar dari Negeri Sembilan menamatkan tempoh pemerintahan Seri Paduka sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-10 Ahad ini. Seri Paduka akan digantikan oleh Sultan Selangor.

Dr Mahathir berkata Malaysia mencapai banyak kejayaan sepanjang pemerintahan Tuanku Ja'afar seperti kecemerlangan negara menganjurkan Sukan Komanwel dan persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) tahun lalu.

"Kejayaan ini mengharumkan nama negara di mata dunia dan dalam hal ini, peranan yang dimainkan Tuanku sebagai simbol perpaduan dan wujudnya keutuhan undang-undang adalah penting," kata beliau.

Perdana menteri berkata rakyat sedar semua ini tidak mungkin berlaku tanpa dorongan, sikap jujur, dedikasi dan keprihatinan Seri Paduka terhadap perkara yang melibatkan kepentingan rakyat.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan, dengan bimbingan Seri Paduka, berjaya mengatasi krisis kewangan dan masalah politik yang melanda negara dengan kecekalan dan komitmen rakyat.

Menurutnya walaupun negara masih merasai kesan krisis ekonomi yang bermula Julai 1997, beberapa indikator seperti penjualan kereta dan rumah serta rizab kewangan negara menunjukkan ekonomi kian pulih.

"Pemulihan ekonomi ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan padu rakyat, pegawai kerajaan dan kepimpinan serta komitmen Tuanku untuk merangsang semangat kerjasama dan perpaduan di kalangan rakyat," katanya.

Dr Mahathir juga berkata Tuanku Najihah telah menunjukkan keprihatinan terhadap keperluan golongan kurang berada, orang tua dan cacat.

-- BERNAMA

MAM RON